



26 JAN, 2023

TNB rangkul anugerah emas AIGA Kebangsaan 2022

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

TNB rangkul anugerah emas AIGA Kebangsaan 2022

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) muncul antara lima pemenang Emas Tertinggi bagi Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA) Kebangsaan 2022 baru-baru ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir Baharin Din berkata, anugerah itu sekaligus memahatkan mercu tanda pencapaian TNB dalam komitmennya terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), khususnya tata kelola dan sahsiah diri warga kerja melalui pelaburan meningkatkan integriti organisasi.

"Anugerah ini adalah penghargaan bernilai kepada pematuhan warga kerja TNB terhadap pelbagai inisiatif bagi memperteguh organisasi termasuk menjadikan integriti sebagai antara enam nilai teras budaya kerja.

"TNB secara berterusan mengambil pelbagai inisiatif untuk meneguhkan integriti termasuklah melaksanakan pelbagai program seperti bengkel dan latihan, penambahbaikan sistem kerja dan pentadbiran, tindakan penguatkuasaan serta membangunkan budaya kerja terpuji," katanya dalam kenyataan pada Rabu.



Fadillah (dua dari kanan) menyampaikan Anugerah Emas kepada Baharin di Majlis AIGA Kebangsaan 2022 yang julung kali dianjurkan IIM pada 18 Januari lalu.

Baharin menerima anugerah anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) itu daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, di Auditorium IIM.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Menurut Baharin, AIGA Kebangsaan julung kali diadakan dengan menerima 116 penyertaan sektor awam dan swasta sebagai satu mekanisme mengukur komitmen, keberkesanan inisiatif integriti dan tata kelola organisasi.

"TNB juga meningkatkan kerjasama dengan SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membolehkan kedua-dua organisasi mengadakan pelbagai aktiviti bersama bagi tempoh lima tahun.

"MoU ini mengukuhkan lagi kerjasama sedia terjalin antara TNB dan SPRM, menambah baik sistem dan prosedur TNB, operasi pengesanan serta program kesedaran dan latihan," jelasnya.